

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**

DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kedudukan Kedai Rakyat 1Malaysia Parlimen Lenggong dan bila akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah menetapkan bahawa setiap kawasan Parlimen mempunyai sekurang-kurangnya sebuah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M). Bagi Parlimen Lenggong, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengadakan lawatan pada bulan September 2014 lalu sebanyak 2 kali. Hasil daripada lawatan tersebut, didapati lokasi yang telah dicadangkan tersebut iaitu bangunan stesen bas Lenggong **kurang bersesuaian** untuk dibangunkan KR1M atas sebab-sebab berikut:

- a) bangunan tersebut yang telah usang akan menyebabkan kos pembangunan KR1M termasuk kos ubahsuai dan pembaikan bangunan meningkat lebih tinggi daripada siling yang ditetapkan;
- b) saiz yang ditawarkan sebagai premis KR1M adalah kecil iaitu kurang daripada 2,000 kaki persegi dan dikhuatiri tidak dapat menampung keperluan penduduk di Parlimen Lenggong;
- c) bagi mendapatkan saiz minima sebanyak 2,000 kaki persegi, pihak KR1M terpaksa mengambil ruang tandas awam yang terletak di tengah-tengah lokasi tersebut serta 1 daripada 3 lorong bas di stesen tersebut dan ini boleh menimbulkan kesulitan kepada penumpang di stesen bas berkenaan; dan
- d) lokasi di stesen bas tersebut juga menimbulkan isu keselamatan dan kesihatan pengguna serta kakitangan di KR1M di mana pintu masuk ke KR1M tersebut adalah terlalu hampir dengan laluan bas ke stesen dan ini boleh membahayakan pelanggan KR1M serta

asap yang dikeluarkan oleh bas tersebut boleh menjadi risiko kesihatan kepada pengguna dan pekerja.

Kementerian sedang dalam proses untuk mengenalpasti lokasi yang lebih sesuai di Parlimen Lenggong dan pembangunan KR1M akan diteruskan jika lokasi bersesuaian diperolehi. Sekiranya pihak Yang Berhormat mempunyai cadangan lokasi baharu di Parlimen Lenggong khususnya bangunan lot kedai dengan keluasan yang mencukupi (3,000 – 5,000 kaki persegi), boleh dimajukan kepada Kementerian untuk dibuat lawatan dengan kadar segera.